

Memorandum kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara

Lapan Langkah untuk Menangani Krisis Makanan

Kami, dari organisasi masyarakat dan NGO yang mengendoskan memorandum ini amat bimbang kesan peperangan Ukraine terhadap bekalan dan kos makanan di Malaysia. Negara Russia dan Ukraine merupakan pembekal lebih kurang 30% daripada jumlah eksport gandum di pasaran antarabangsa dan 19% jumlah eksport jagung. Jika pengeluaran bijirin₂ ini terjejas oleh peperangan dan sekatan ekonomi (sanctions) terhadap Russia, maka suatu kekurangan dalam bekalan bijirin akan menyebabkan peningkatan harga makanan secara mendadak.

Penggunaan gandum di Malaysia adalah sekitar 1.6 juta tan setahun (2021) manakala penggunaan beras oleh penduduk Malaysia adalah 2.7 juta tan setahun. Beras dan gandum merupakan punca utama bahan karbohidrat di makanan penduduk Malaysia. 30% daripada beras yang dimakan di Malaysia (0.9 juta tan setahun), adalah diimport, manakala hampir semua gandum adalah diimport (dari Australia, Amerika Syarikat dan Canada). Kita juga mengimport 3.8 juta tan jagung setahun untuk makanan penternakan. Jumlah kos import bahan makanan ke Malaysia telah melebihi RM 56 bilion setiap tahun.

Pengurangan dalam eksport gandum dan jagung dari Russia dan Ukraine akan meningkatkan harga bukan sahaja kedua bijirin tersebut tetapi harga beras juga. Besar kemungkinannya rakyat di merata tempat akan beralih dari gandum ke beras apabila harga gandum melambung naik.

Selain itu, Russia juga mengeluarkan 11.5 juta tong minyak petrol setiap hari, iaitu 12% dari jumlah pengeluaran petroleum dunia. Pengecutan dalam eksport minyak daripada Russia akan meningkatkan harga minyak dan sekaligus menyebabkan kos pengangkutan dan kos baja meningkat secara serius.

Kesemua perkara yang digariskan di atas mewujudkan risiko bahawa makanan asas akan berkurangan di Malaysia tidak lama lagi, dan kos gandum, beras dan daging akan melambung naik. Adalah amat penting Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara mengambil berat terhadap risiko ini yang berpotensi amat menyusahkan golongan berpendapatan rendah. MKN harus mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk

mengenalpasti mana antara lapan langkah yang digariskan di bawah harus dilaksanakan segera.

1. Menambahkan bekalan pelbagai jenis ubi yang dapat ditanam di Malaysia termasuk ubi kentang, ubi kayu, ubi keledak, ubi keladi, labu dan lain. Ubi-ubi ini boleh ganti bijirin sebagai sumber bahan karbohidrat jika harga bijirin naik terlalu banyak. Penanaman ubi akan ambil masa beberapa bulan sahaja untuk berhasil dan akan merupakan alternatif yang baik pada bijirin yang berkurangan bekalannya-

- Petani kecil dan pekebun getah kecil harus digalakkan menanam ubi-ubi di antara pokok getah (inter-cropping) dengan jaminan bahawa FAMA akan membeli keluaran ubi dengan harga yang munasabah – ditetapkan melalui kontrak formal.
- Syarikat perladangan dengan keluasan tanah lebih daripada 10,000 ekar harus diberi kuota ubi untuk dibekalkan oleh mereka setiap tempoh masa.
- Saluran media nasional harus diguna untuk popularkan resipi makanan yang berasaskan pada ubi supaya rakyat dididik mengenai bagaimana sumber yang "luar biasa" ini dapat memenuhi keperluan karbohidrat keluarga mereka.

2. Satu kajian harus dilaksanakan dengan kadar segera untuk mengenalpasti semua pengeluar makanan yang mengusahakan tanah / laut di Malaysia pada takat ini termasuk pesawah padi, pengeluar sayur dan buah, nelayan, pembela ikan dan penternak. Langkah-langkah tegas harus diambil untuk memastikan mereka semua dapat meneruskan kegiatan mereka dalam menghasilkan bahan makanan untuk rakyat kita tanpa sebarang gangguan. Pengusiran sesiapa pengeluar makanan harus dihentikan sama sekali sehingga krisis dalam bekalan makanan dapat diatasi. Aktiviti "pembangunan" ekonomi yang ada kesan negative terhadap pengeluaran makanan harus dikenalpasti dan dihentikan.

3. Penanaman jagung harus ditingkatkan. Jagung merupakan sumber penting dalam makanan haiwan ternakan dan pada masa ini hampir semua jagung untuk tujuan ini diimport (90% dari Brazil dan Argentina). Jabatan pertanian harus buat kajian samada jagung dapat ditanam di antara pokok getah di kebun-kebun kecil getah. Jika ini boleh dilaksanakan ia juga akan merupakan satu punca pendapatan tambahan pada pekebun kecil.

4. Pelan induk kebangsaan berkaitan kegunaan tanah negara harus diteliti dan diubahsuai. Pada takat ini, daripada jumlah 32,865,000 ha keluasan tanah Malaysia

- 55% digazet sebagai tanah berhutan (walaupun sebahagian besar daripada jumlah ini (2/3) telahpun dibalok). Kawasan hutan harus dikekalkan

sebagai hutan dan bahagiannya yang telah dibalok harus dipulihkan sebagai hutan dengan penanaman pokok hutan.

- 23% daripada tanah Malaysia, ataupun 7.6 juta hektar sedang digunakan untuk pertanian. Daripada jumlah ini hanya 1.5 juta ha sedang diguna untuk menghasilkan makanan untuk rakyat kita – termasuk 0.7 juta ha untuk penanaman padi. 5 juta ha dikhaskan untuk kelapa sawit dan 1.1 juta ha untuk pengeluaran getah.

Nisbah penggunaan tanah pertanian harus dikaji semula memandangkan bekalan makanan untuk rakyat kita diancam bukan sahaja kerana berlakunya krisis di Ukraine, tetapi juga oleh kerana perubahan iklim. Syor kami adalah kawasan yang digazet sebagai hutan harus dikekalkan begitu. Tetapi sebahagian tanah yang dikhaskan untuk kelapa sawit dan getah harus ditukar gunatanahnya ke penanaman padi, jagung, kacang soya dan sumber makanan yang lain. Suatu akta harus digubal untuk mewajibkan syarikat perladangan mematuhi pelan induk berkaitan perkara ini.

5. Penanaman sayur-sayuran, ubi-ubi dan jagung harus digalak di halaman rumah di bandar dan juga di kawasan kampung.

6. Tanah kosong kerajaan dan juga tanah kosong yang dimiliki oleh syarikat GLC and swasta harus dipajak kepada petani dan pembela ikan supaya bekalan makanan dapat dijamin pada rakyat kita.

7. Memandangkan kos makanan ternakan dan baja sedang meningkat, langkah-langkah harus diambil dengan segera untuk memastikan sisa buangan makanan daripada pasar, restoran dan rumah dapat dikitar semula sebagai sumber makanan ternakan ataupun baja organik. Tahi ayam daripada fasiliti ternakan ayam dan sisa buangan kilang kelapa sawit juga boleh diguna sebagai baja selepas diproses. Ahli sains di universiti tempatan harus diminta membantu dalam usaha ini.

8. MKN harus memantau situasi bekalan dan kos makanan dengan rapi. Jika kos makanan meningkat walaupun langkah-langkah di atas dilaksanakan, program-program tambahan seperti berikut harus dilaksanakan –

a/ Bantuan kewangan sebanyak RM 200 sebulan harus dimasukkan ke akaun bank semua keluarga B40 di masyarakat kita. (3.2 juta keluarga B40 = RM 640 juta sebulan ataupun RM 7.6 bilion setahun).

b/ Berkerjasama dengan NGO dan kumpulan₂ agama untuk membuka dapur makanan untuk menyediakan makanan masak (cooked meals) untuk sesiapa yang memerlukannya di tiap bandar .

Kami harap pihak MKN akan mengambil berat terhadap syor-syor yang dikandungi dalam memorandum pendek ini dan bertindak secara berkesan untuk mengelak satu masalah pemakanan yang serius. Kami juga harap dapat peluang untuk berjumpa dengan wakil MKN ataupun Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara untuk berbincang isu-isu yang dikandung dalam memorandum ini.

Terima kasih.

1. Agora Society Malaysia
2. Aliran
3. Belatani
4. CAP
5. CARAM Asia
6. Childline Foundation
7. Family Frontiers
8. Federation of Malaysian Consumer Associations (FOMCA)
9. Gabungan Petani Perak
10. Health Equity Initiatives
11. The International Movement for a Just World
12. Jaringan Penternak Nasional, Marhein
13. Justice for Sisters
14. KL Selangor Chinese Assembly Hall
15. Komuniti Pondok Sukun (Kompos)
16. Malaysia Consumer Movement
17. Malaysian Insititute of Sustainable Agriculture (MISA)
18. Malaysian Treatment Access and Advocacy Group (MTAAG+)

19. North South Initiatives
20. Our Journey
21. Parti Murba
22. Parti Rakyat Malaysia
23. Parti Sosialis Malaysia
24. Penang Tolak Tambak
25. Persatuan Agroekologi Malaysia
26. Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna-Pengguna Pahang
27. Persatuan Petani Moden Kanthan
28. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia
29. Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH)
30. Pusat Komus
31. Sahabat Alam Malaysia
32. Saya Anak Bangsa Malaysia
33. Sustainable Development Network Malaysia
34. Tenaganita
35. Third World Network
36. Women's Aid Organisation